

Ming. M. 12 MARI 1972

DR. Mahathir bin Muhammad, menegaskan hari ini, bahawa Tan Sri Syed Jaafar Albar tidak payah menarik diri dari Majlis Kerja Tertinggi UMNO bagi memberi peluang kepadanya berkhidmat dalam UMNO dan politik tanahair.

Katanya, tidak ada sebab mengapa Tan Sri Syed Jaafar mesti meletakkan jawatannya, kerana "saya berkhidmat dalam mana2 biro tanpa menjadi ahli majlis tertinggi UMNO."

Menurutnya, Tan Sri Syed Jaafar tidak harus menjadikan kemasukannya semula kedalam UMNO sebagai satu alasan untuk berhenti.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika dihubungi hari ini berikutan kenyataan Tan Sri Jaafar Albar hendak meletakkan jawatan dari ahli Jawatankuasa Tertinggi UMNO Malaysia bagi "memberi peluang kepada orang yang lebih muda."

Tan Sri Jaafar juga sanggup menarik diri dari menjadi anggota jawatankuasa2 kecil termasuk biro2 UMNO un-

tuk memberi kesempatan kepada Dr. Mahathir.

Selain dari menjadi Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Tan Sri Jaafar sekarang memegang beberapa jawatan lain seperti biro agama, buruh, penerangan UMNO dan ahli jawatankuasa disiplin parti.

Menurutnya, semalam beliau lebih suka Dr. Mahathir diberi peluang dari sekarang, "untuk memblasakan dirinya dengan ahli2 UMNO yang telah bercherai dengannya selama lebih dari dua tahun."

Dr. Mahathir yang diterima semula masuk

UMNO pada 7 Mach lalu menyatakan bahawa beliau lebih suka menunggu sehingga persidangan agung UMNO pada bulan Jun ini untuk menentukan kedudukannya bertanding merebut sebarang jawatan Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

"Walaupun saya boleh dipilih buat sementara sekarang, tetapi lebih baik saya menunggu pemilihan yang dibuat oleh ahli2 UMNO sendiri," tegasnya.

Beliau menambah beliau mungkin bertanding merebut jawatan ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO sekiranya ada bahagian2 yang menandatangani namanya.